



EDISI JULAI

WARTA CAHAYA

cahayasociety.org

CAHAYA
SOCIETY
EDUCATION FOR ALL

KENALI KAMI!



Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

BIKIN APA?



Korban Cahaya 2023

Kita telah melaksanakan program sembelihan seekor sapi bersama komuniti Teratak Ilmu. Ini termasuklah agihan daging korban kepada komuniti lingkungan.



Lawatan IIUM UNESCO CLUB

Pasukan IIUM melawat dua Pusat Alternatif yang bakal dibangunkan pustaka mini pada September tahun ini. Ini adalah kolaborasi antara IIUM UNESCO Club dan Cahaya Society.



Liga Futsal Alternatif 2023

LFA tahun ini adalah siri kedua dan kali ini dengan kerjasama penuh Yosh Sandakan. Pertandingan futsal membabitkan Pusat Alternatif dan Sekolah Swasta di Sandakan ini adalah bertujuan untuk pembangunan sukan dalam kalangan anak-anak rentan.



Pembentangan: LAPORAN IMPAK (Jan-Jun 2023)


Pelancaran Laporan Impak (Jan-Jun) 2023

Laporan Impak ini dikeluarkan sebagai pelaporan penggal pertama advokasi dan operasi Cahaya Society bermula Januari hingga Jun 2023. Pembentangan atas talian serta dokumen penuh telah dikongsikan kepada umum untuk tujuan transparansi dan penilaian oleh seluruh rakyat Malaysia.



Projek Kesejahteraan Sosioekonomi (PKS)

PKS adalah geran tajaan oleh Yayasan Hasanah iaitu Kelas Menjahit membabitkan 15 orang ibu komuniti (ibukom). Sehingga Julai, para ibukom akan memasuki praktikal penggunaan mesin selepas belajar teori sejak Mac lalu dengan didikan daripada rakan strategik kita iaitu Qarl Iman.



Webinar Cahaya

Webinar kali ini membincangkan topik "Pendidikan: Kita Selamatkan Siapa?" oleh pembicara jemputan yang masing-masing menjalankan advokasi pendidikan mereka samaada advokasi pendidikan alternatif, pendidikan bersih dan pendidikan awal kanak-kanak.

Webinar ini sebagai mesej kepada pembikin dasar agar membahu bersama NGO di lapangan untuk pemetaan dan pendataan bagi pembangunan pendidikan yang lestari dan berimpak dalam negara.

BIKIN APA?



Karnival Kerjaya PERKESO

Garaj Cahaya iaitu inisiatif ekonomi mandiri Cahaya Society menjadi pempamer di acara ini dengan jempunan oleh Intitut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan.



Bengkel Dahan Idea

Pasukan alumni cahaya yang merupakan pembantu guru komuniti telah menjalani satu bengkel kaedah mengajar menggunakan Dahan Idea atau Peta Minda sebagai teknik efektif dan kreatif dalam sesi pembelajaran mereka.



Pelancaran Modul PFKK

Projek pembangunan modul PFKK atau Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti adalah tajaan penuh oleh Allianz Malaysia bermula Januari hingga Julai 2023. Kita telah berjaya menyiapkan satu buku panduan yang organik dan dibina menerusi pemetaan yang konkrit di lapangan.



Mesyuarat bersama MPS

Majlis Perbandaran Sandakan (MPS-PBT) menjemput Cahaya Society untuk berbagi idea untuk sebuah acara kebudayaan dan seni iaitu Pesta Bazaar Seni Kreatif yang bakal dilaksanakan di Pusat Bandar Sandakan bersama pengamal seni budaya yang lain.



Lawatan sambil belajar

Lawatan kali ini adalah ke Sandakan Memorial Park iaitu tempat bersejarah tinggalan Jepun di Taman Rimba Sandakan.



Cahaya Medical Outreach (CMO)

CMO adalah program Prihatin Kesihatan menerusi Prihatin Cahaya iaitu Pemeriksaan Kesihatan Percuma untuk komuniti atas air dan setinggan yang dikendalikan oleh Kelab Alumni Cahaya dengan menjalankan pemeriksaan BPM, Glukometer, dan Oximeter.



Pesta Bazaar Seni

Garaj Cahaya iaitu inisiatif ekonomi mandiri menjadi pempamer seni kreatif di Pesta Bazaar Seni di Laluan Kreatif Sandakan anjuran PBT-MPS dan pengamal industri tempatan.

BULAN DEPAN,

BIKIN APA?

01. MerdekaRia 2023

Program ini adalah sambutan sempena Bulan Kemerdekaan iaitu siri pertandingan antara Pusat Alternatif/Sekolah Swasta yang ada di Sandakan seperti Cerita Rakyat, Koir Merdeka dan lain-lain.

02. Simposium PFKK

Pasca pelancaran modul PFKK, kita akan menjalankan simposium ke seluruh Pusat Alternatif di Sandakan, Sabah termasuklah Training of Trainee (ToT) kepada para guru komuniti iaitu pendedahan kepada cara mengendalikan modul PFKK.

03. Kajian Komuniti

Kita akan menjalankan Kajian Komuniti pertama bagi tahun 2023 yang akan membabitkan komuniti rentan menerusi analisis lapangan, kaji selidik, pendataan dan outreach.

04. Kem Cita Cahaya

Kita akan menjalankan Kajian Komuniti pertama bagi tahun 2023 yang akan membabitkan komuniti rentan menerusi analisis lapangan, kaji selidik, pendataan dan outreach.



Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi.

Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!

cahayasociety.org 

cahayasociety@gmail.com 

Cahaya Society 

**Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1,
Jalan Leila, 90000 Sandakan, Sabah**

**089 666 915 (Pejabat)
012 828 4775 (Admin)**